


38/KLIA/2025



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

229 PELAWAT ASING DITOLAK MASUK DALAM 24 JAM, WARGA BANGLADESH TERTINGGI

SEPANG, 13 Ogos 2025 – Seramai 229 pelawat asing dari pelbagai negara telah dikenakan Notis Penolakan Masuk (NTL) oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) KLIA dalam satu operasi bersepadu selama 24 jam.

Operasi yang bermula pada 12 Ogos sehingga 7.30 pagi tadi di Balai Ketibaan dan Perlepasan Antarabangsa Terminal 1 dan 2 KLIA itu menyaksikan seramai 764 pelawat asing diperiksa. Daripada jumlah tersebut, 229 orang didapati gagal mematuhi syarat kemasukan yang ditetapkan.

Warganegara Bangladesh mencatatkan bilangan NTL tertinggi iaitu seramai 204 orang. Ia diikuti oleh warganegara India (14 orang), Sri Lanka (3), Pakistan (3), Indonesia (3), dan Kemboja (2). Menurut AKPS, daripada jumlah warga Bangladesh itu, seramai 66 orang dikesan tiba di KLIA 1 menerusi tiga penerbangan dari Dhaka pada awal pagi.

Antara punca utama penolakan masuk adalah kerana mengemukakan tempahan hotel palsu, tidak memiliki tiket penerbangan pulang, dan gagal membuktikan kemampuan kewangan yang mencukupi. Kesemua individu tersebut dipercayai berniat menyalahgunakan kemudahan kemasukan untuk tinggal dan bekerja secara tidak sah di negara ini.

Dalam pada itu, AKPS turut menggagalkan cubaan seorang lelaki warganegara Indonesia berusia lingkungan 50-an untuk memasuki Malaysia pada 12 Ogos, hanya enam hari selepas dia diusir atas kesalahan sama pada 7 Ogos lalu. Individu tersebut telah dihantar pulang serta-merta dan diberi amaran keras.

AKPS menegaskan bahawa kawalan di pintu masuk negara akan terus diperketat. Tindakan tanpa kompromi akan diambil terhadap mana-mana pihak, termasuk anggota yang bersengkongkol, dalam cubaan membawa masuk warga asing secara haram.

Gambar berkaitan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1vNWd2h60QFtbxmi2T3V3GZKsiWZPnMm>

TAMAT

13 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI